

# Lindungi hak warga emas

Kerajaan buat kajian wujud akta khas babitkan isu pengabaian, penderaan

Fairul Asmaini  
Mohd Pilus  
asmaini@nstp.com.my

## Serdang

**K**erajaan sedang melakukan kajian untuk mewujudkan akta khas bagi melindungi hak warga emas di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, keperluan dari segi perundangan itu penting dalam usaha kerajaan melindungi hak warga emas terutama membabitkan isu pengabaian dan penderaan.

Beliau berkata, berdasarkan kajian oleh pihak Universiti Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersetuju dengan keperluan perundangan itu memandangkan kes pengabaian dan penderaan warga emas didapati semakin meningkat dan terdapat kemungkinan besar banyak lagi kes yang tidak dilaporkan.

“Untuk itu, satu kajian kandungan, pendekatan dan skop bagi mewujudkan satu akta khusus untuk warga emas di Malaysia akan dilaksanakan dan pihak Universiti Malaya dilantik sebagai perunding untuk melaksanakan kajian itu dalam tempoh 15 bulan.

“Hasil utama kajian itu adalah satu rang undang-undang warga emas yang dicadangkan untuk dibentangkan di Parlimen pada awal 2021.

“Selain itu, kajian diagnostik mengenai pembentukan



DR Wan Azizah (dua dari kiri) beramah mesra dengan warga emas ketika melawat My Ageing Cares Daycare Centre selepas merasmikan Kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia di UPM, semalam.

model penjagaan jangka panjang warga emas yang mampan dan bersepadu di Malaysia juga sedang dijalankan dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dilantik sebagai perunding,” katanya kepada media selepas merasmikan Kompleks Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) di Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Junaidah Kamaruddin, Pengerusi Lembaga Pengarah UPM Tan Sri Dr Ghauth Jasmon dan Naib Canselor UPM, Prof

**139,000**

Jumlah warga emas  
terima bantuan BOT

Datuk Dr Aini Ideris.

Menurut Dr Wan Azizah, seramai 139,000 warga emas di negara ini menerima bantuan kerajaan menerusi skim Bantuan Orang Tua (BOT) tahun lalu.

Beliau berkata, jumlah itu meningkat berbanding 135,000 penerima pada 2017 dan 133,000 tahun sebelumnya.

“Hampir 30 peratus da-

ripada keseluruhan jumlah peruntukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah untuk BOT dan ia menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap warga emas.

“Selain itu bantuan berjumlah RM350 sebulan itu adalah antara komitmen kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan bagi memastikan kesejahteraan warga emas yang menyeluruh,” katanya

Sementara itu, Aini berkata, MyAgeing dahulunya dikenali sebagai Institut Gerontologi sebelum dinaiktaraf kepada Institut Penyelidikan Penuaan Ke-

bangsaan pada 2015.

“MyAgeing sedang bekerjasama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia dalam membangunkan Bahan Pembelajaran Bertulis (WIM) mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sebagai pengisian kepada infrastruktur sedia di kompleks berkenaan.

“Menerusi penawaran latihan berasaskan WIM, MyAgeing bakal menjadi Pusat Latihan Penjagaan Warga Emas Bertauliah yang pertama di Malaysia menjelang akhir 2020,” katanya.